

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 12 / 08 / 2007

PM disokong pelbagai kaum

UM - 12/8/2007

BERUAS 11 Ogos - Kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kini mendapat sokongan padu daripada rakyat pelbagai kaum terutama orang Melayu.

Berasaskan kajian yang dijalankan oleh Merdeka Center, sokongan orang Melayu kepada Perdana Menteri adalah sebanyak 86 peratus, diikuti 71 peratus sokongan daripada kaum India manakala kaum Cina 54 peratus.

Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin berkata, kemerosotan sokongan kaum Cina berkemungkinan berpunca daripada sentimen-sentimen yang timbul dalam ucapan dan perbahasan semasa Perhimpunan Agung UMNO tahun lepas.

"Kita perlu mencari punca tersebut dan kalau sekiranya dikatakan sentimen dan ucapan daripada Perhimpunan Agung UMNO, kita perlu beri penjelasan kerana kita percaya tidak ada perkara yang tidak boleh dijelaskan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan Pemuda UMNO Bahagian Beruas di sini hari ini.

Turut hadir, Ketua Pemuda UMNO Perak, Zainol Padzi Paharudin dan Ketua UMNO Bahagian Beruas, Datuk Hamdi Abu Bakar.

Khairy berkata, kajian pandangan orang ramai itu tidak seharusnya dipandang sebagai perkara yang remeh, sebaliknya hasil kajian itu perlu dijadikan panduan oleh anggota komponen Barisan Nasional (BN) untuk meningkatkan sokongan.